

**Pemilihan Adenan Sebagai Ketua Menteri Pastikan Kesenambungan - Najib
Bernama
13 Feb, 2014**

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Pemilihan Tan Sri Adenan Satem sebagai Ketua Menteri Sarawak yang baharu akan memastikan kesinambungan dan menyemarakkan lagi usaha kerajaan Barisan Nasional (BN) membangunkan Sarawak, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Khamis.

"Kerajaan Persekutuan menyokong pimpinan baharu Sarawak dan yakin Adenan dapat meneruskan segala yang telah dirancang serta melonjakkan pembangunan negeri itu ke tahap yang lebih membanggakan," katanya dalam satu kenyataan akhbar.

Beliau berkata, Adenan, Menteri di Pejabat Ketua Menteri (Tugas-Tugas Khas), mempunyai pengalaman luas dalam kerajaan dan politik serta dapat diterima anggota Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dan semua komponen BN.

Pemilihan beliau juga disambut baik oleh rakyat Sarawak, kata Najib.

"Saya percaya dengan pengalaman luas dan sokongan semua pihak, Adenan akan dapat meneruskan kecemerlangan Sarawak sebagaimana di bawah pimpinan Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta memastikan Sarawak terus menjadi benteng kuat BN," kata Najib.

Semalam, Taib mengumumkan pengunduran beliau daripada jawatan Ketua Menteri berkuat kuasa 28 Feb ini dan menamakan Adenan sebagai pengganti beliau.

Taib berkata Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Abang Muhammad Salahuddin telah bersetuju dengan penamaan Adenan dan majlis angkat sumpah sebagai Ketua Menteri yang baharu akan diadakan pada 28 Feb.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1014229>